

TAKAU RIMBA HUJAN
Dusky Broadbill

FAMILI: Eurylaimidae
NAMA SAINTIFIK: *Corydon sumatranus*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bulu yang berwarna coklat kehitaman manakala bahagian rengkong dan atas dada berwarna kuning pucat. Bahagian paruh pula berwarna kemerahan di mana pada bahagian hujung bulu sayap berwarna merah. Individu ini mempunyai bahagian kulit muka yang berwarna ungu pudar serta terdapat jalur-jalur berwarna perang pada bahagian belakang badan. Pada bahagian luar bahagian ekor terdapat tanda yang berwarna putih dan terdapat tompokan berwarna putih pada bahagian bawah sayap. Bagi individu juvenil pula, individu ini mempunyai bahagian bulu yang berwarna coklat serta bahagian rengkong dan atas dada yang lebih pudar. Warna putih pada bahagian hujung sayap dan ekor adalah pudar manakala bahagian paruh dan kulit pada bahagian muka berwarna merah jambu. Individu ini tidak mempunyai jalur-jalur berwarna perang pada bahagian atas belakang badan. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 25.0-28.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga-serangga kecil, larva dan siput.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan kawasan-kawasan lembap di kawasan hutan campuran, pada ketinggian sehingga ke 1,220 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan siri bunyi yang seakan-akan menjerit iaitu di antara 6 hingga 8 nota bunyi. Ini termasuklah bunyi siulan *hi-ky-ui ky-ui ky-ui* atau *ky-ee ky-ee ky-ee ky-ee*. Burung ini juga mengeluarkan bunyi bunyi *pseeoo* yang menurun dan bunyi *tsiu* yang tinggi. Semasa terbang ia akan mengeluarkan bunyi *ch wit* yang berulang-ulang.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah pada bulan November hingga September di mana sarang dibina berbentuk bujur serta terdapat pintu masuk ke bahagian dalam sarang yang bergantung di bahagian dahan pokok, rotan atau buluh pada ketinggian di antara 4 hingga 15 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 hingga 4 biji berwarna krim pudar ke warna merah pudar serta terdapat jalur-jalur berwarna coklat kemerahan yang berukuran kira-kira 27.2-34.9 X 20-24 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.